

14 NOV 2001

Abdul Kadir-Deepavali

PERDANA MENTERI HADIR RUMAH TERBUKA DEEPAVALI

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hari ini buat pertama kali menganjurkan rumah terbuka sempena Hari Deepavali yang disambut hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah antara tetamu yang hadir di majlis yang berlangsung di Istana Budaya di sini.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Senator Datuk M. Kayveas serta diplomat-diplomat asing.

Ketika ditemui selepas acara itu Menterinya Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata acara itu adalah rancangan kerajaan Persekutuan untuk menjadikan enam perayaan utama di negara ini sebagai sambutan nasional bermula tahun lalu.

Perayaan-perayaan itu ialah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Krismas, Deepavali, Pesta Keamatan dan Hari Gawai.

"Sambutannya adalah hebat dan kita dapati perayaan ini telah benar-benar menjadi perayaan nasional," katanya.

Bagi sambutan Aidilfitri bulan depan, Abdul Kadir berkata acara rumah terbuka kerajaan Persekutuan akan diadakan di Johor Baharu.

"Bagi Tahun Baru Cina kita akan adakan di Lembah Kinta, Perak dan sambutan Krismas di Kuala Lumpur," katanya.

Acara rumah terbuka kerajaan Persekutuan bermula pada tahun lalu dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Istana Budaya dan diikuti dengan Tahun Baru Cina yang disambut di Pulau Pinang.

-- BERNAMA

NM AFY MOZ